



BAHAGIAN GOVERNAN

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (01/20)
Tarikh : 10 Mac 2020
IS Rejab 1441H

SPP UPSI BIL. 1 TAHUN 2020

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PENSTRUKTURAN SEMULA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM) UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar mengenai penstrukturan semula Bahagian Sumber Manusia (BSM) Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2. Penstrukturan semula BSM ini melibatkan pengasingan fungsi antara pengurusan sumber manusia dan pembangunan sumber manusia dan perkara ini perlu dilaksanakan bagi memperkasakan kedua-dua bahagian tersebut supaya pengurusannya lebih berfokus.

3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-127 Bil.1/2020 pada 28 Januari 2020 telah bersetuju meluluskan;

3.1 penjenamaan semula Bahagian Sumber Manusia (BSM) kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BSM).

3.2 menaik taraf Unit Latihan BSM sebagai Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM).

4. Penstrukturan semula ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 2020.

5. Semua warga Universiti Pendidikan Sultan Idris diharap dapat memberikan kerjasama dan sokongan penuh bagi memastikan kedua-dua Pusat Tanggungjawab ini berjaya melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan cekap dan berkesan seperti yang telah dirancang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(PPj. KEHORMAT (PA) DR. HAJJAH ZAINAB BINTI OTHMAN)
Pendaftar

Dikelilingkan kepada : Semua ketua pusat tanggungjawab

No. Fail: UPSI/PEND/BG1/597 (01/20)

No.Siri: UPSI/BG/DASAR/SPP112

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)